

## **BAB 3**

### **METODOLOGI PENYELIDIKAN**

#### **3.1 PENDAHULUAN**

Dalam bab ini akan dibicarakan kaedah penyelidikan yang telah dilakukan oleh penulis bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan untuk tujuan penyelidikan. Antara langkah-langkah yang dilakukan termasuklah mendapatkan kelulusan untuk membuat penyelidikan dari BIROTEKS, Institut Teknologi MARA, Shah Alam. Keduanya memilih sampel untuk kajian. Ketiga, menyediakan alat penyelidikan. Keempat, temubual dengan sampel terpilih iaitu Pemangku Ketua BIROTEKS.

#### **3.2 PERSEDIAAN AWAL**

Bagi memantapkan lagi hasil penyelidikan ini, penulis telah menghubungi dan berjumpa dengan penyelia penyelidikan iaitu Puan Hasmah Zanudin bagi mendapatkan pandangan beliau terhadap ruang lingkup penyelidikan yang

harus diterokai. Setelah rumusan dibuat, kertas cadangan bagi penyelidikan ini telah mendapat persetujuan dan diluluskan oleh beliau.

Penulis juga diberitahu bahawa penyelidikan ini memerlukan maklumat-maklumat yang dapat diperolehi sendiri daripada para pensyarah ITM yang terlibat dalam penyelidikan ini. Justeru itu, beliau telah menyarankan agar penulis menyediakan soal selidik untuk menilai kekuatan dan kelemahan serta tanggapan kumpulan akademik terhadap penerbit ITM.

Bagi mendapatkan kelulusan untuk menjadikan BIROTEKS sebagai sasaran penyelidikan, penulis telah memaklumkan kepada Datin Hajah Zairon Othman, Pemangku Ketua BIROTEKS sewaktu penulis menjalani latihan amali selama sebulan di BIROTEKS. Beliau tidak menghalang penulis untuk menjalankan penyelidikan, malahan juga telah menggalakkan penulis untuk menyelidik kebenaran sama ada BIROTEKS lewat dalam kerja-kerja penerbitannya.

### **3.3 SAMPEL**

Sampel kajian ini terdiri daripada dua kategori sumber iaitu sumber pertama dan sumber kedua. Dalam bahagian ini akan dibicarakan faktor-faktor yang diambil kira dalam pemilihan sampel, masalah-masalah dan halangan-

halangan yang dihadapi untuk mendapatkan sampel dan latar sampel kajian ini.

Sampel bagi sumber pertama ialah bekas penulis. Sampel kajian ini dipilih berdasarkan beberapa faktor berikut:

Pertama, mereka mestilah pernah menulis atau menerbitkan karya asal ataupun karya terjemahan dengan menggunakan penerbit BIROTEKS. Sebanyak 74 buah buku baik karya asal atau karya terjemahan telah dihasilkan sejak tahun 1982 hingga tahun 1998. Sebagaimana yang telah diterangkan dalam Bab 1, sumber utama iaitu para pensyarah yang pernah menulis dan menterjemah untuk BIROTEKS.

Bagaimanapun, penulis telah memutuskan bahawa soal selidik yang akan diedarkan hanyalah sebanyak 49 set sahaja. Ini dibuat kerana ada judul-judul yang telah ditulis oleh penulis yang sama. Di samping itu, bagi kumpulan penulis yang besar seperti Kumpulan Penulis Pusat Bahasa, penulis akan mengesan beberapa orang pensyarah yang telah menulis untuk BIROTEKS. Sumber utama ini kebanyakannya bertugas di ITM Shah Alam, namun ada juga yang bertugas di kampus-kampus cawangan ITM di seluruh Malaysia.

Kedua, bekas penulis ini ada yang telah menjalani latihan penerbitan dengan pihak BIROTEKS. Antara kursus-kursus dan latihan-latihan yang pernah dianjurkan oleh BIROTEKS dari tahun 1981 hingga 1997 dapat dilihat pada Lampiran D.

Ketiga, mereka telah mempunyai pengalaman bekerja melebihi tiga (3) tahun dengan ITM. Pengalaman bekerja adalah penting untuk mengisi persepsi mereka dalam soal selidik ini.

Populasi kajian ini berjumlah 127 orang. Di bawah ini disenaraikan pembahagian populasi mengikut kategori responden dan bidang pengkhususan. Mereka terdiri daripada para pensyarah yang pernah menulis atau menterjemah untuk BIROTEKS, para pensyarah yang terlibat sebagai pengguna mengikut bidang fakulti dan para pensyarah yang berminat sebagai bakal penulis ataupun penterjemah. Memandangkan bilangan para pensyarah ITM adalah terlalu besar dan melibatkan 11 kampus cawangan, penulis terpaksa mengklasifikasikan sumber ini mengikut dua bidang pengkhususan iaitu:

1) *Sains Matematik dan Teknologi:*

Kejuruteraan (Awam, Mekanikal, Elektrikal). Teknologi Maklumat, Sains Gunaan, Matematik, Statistik, Kimia dan Fizik.

2) *Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan:*

Komunikasi, Penyiaran, Perhubungan Awam, Pendidikan, Senibina, Perancangan Bandar dan Wilayah, Seni Lukis dan Seni Reka, Bahasa, Politik, Seni, Perniagaan, Ekonomi, Perakaunan, Undang-undang, Pentadbiran, Sejarah, Pengurusan, Hotel dan Pelancongan, Keusahawanan, Kesetiausahaian, Agama dan Pengurusan Ladang.

Klasifikasi ini dibuat berdasarkan struktur organisasi BIROTEKS di mana terdapat dua jawatan koordinator yang berperanan sebagai editor iaitu:

- 1) Koordinator Sains Matematik dan Teknologi
- 2) Koordinator Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan

**Jadual 1: Pembahagian Populasi Mengikut Kategori Responden**

Kategori	Bilangan	Jumlah
Bekas Penulis	49	49
Kakitangan Akademik	78	78
Jumlah Besar		127

Jadual 1 di atas menunjukkan pembahagian populasi mengikut kategori responden. Mereka terdiri daripada 49 orang bekas penulis, 78 orang sampel dari semua fakulti/pusat dan termasuk 11 kampus cawangan ITM di seluruh Malaysia di bawah kategori kakitangan akademik. Ini bermakna jumlah soal selidik yang bakal diedarkan dan sampel yang terlibat dengan kajian ini ialah sebanyak 127 orang. Bagaimanapun, hanya seramai 77 orang responden telah menjawab dan mengembalikan borang soal selidik ini. Penjelasan terperinci boleh dirujuk pada bahagian 3.4.2.

Jadual 2 menunjukkan pembahagian populasi mengikut keturunan dan bilangan sampel yang telah menjawab soal selidik berdasarkan jantina. Mereka terdiri daripada 50 orang sampel lelaki dan 27 orang sampel perempuan. Berdasarkan kepada jadual ini hanya 68 orang (88.3 %) berketurunan Melayu, 7 orang (9.1 %) berketurunan Cina dan 2 orang (2.6 %) berketurunan India.

Jadual 2: Pembahagian Populasi Mengikut Keturunan (Etnik)  
dan Bilangan Sampel Berdasarkan Jantina

Keturunan	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Melayu	46	22	68
Cina	3	4	7
India	1	1	2
Lain-lain	0	0	0
Jumlah	50	27	77

Kaedah keduanya ialah penelitian serta penglibatan, penelitian, temu-bual digunakan untuk mencungkil beberapa maklumat yang bakal dikemukakan kepada Pemangku Ketua BIROTEKS khususnya. Temu janji dan persetujuan telah dibuat untuk menemubual Pemangku Ketua BIROTEKS iaitu pada 25 Februari 1999.

Di samping itu juga, bagi memantapkan lagi penelitian penyelidikan ini, penulis telah mengambil kesempatan sewaktu menjalani latihan amali selama satu bulan iaitu pada 8 Jun hingga 8 Julai 1998 yang lalu untuk melibatkan diri secara langsung bersama dengan penerbit BIROTEKS. Di sini penulis telah berpeluang untuk melihat proses menyeluruh organisasi penerbitan ini merangkumi aspek-aspek pemerolehan, penerbitan,

pengeluaran, pemasaran dan beberapa aspek lain yang dirasakan penting untuk penyelidikan ini. Data-data ini juga akan digunakan dalam menjayakan penghasilan penyelidikan mengenai peranan BIROTEKS sebagai salah sebuah penerbit universiti di Malaysia.

Dari segi geografi penyelidikan yang akan dikaji ini, penumpuan khusus akan dibuat di ITM Shah Alam di mana BIROTEKS ditempatkan. Namun begitu 11 buah kampus cawangan ITM di seluruh Malaysia juga akan digunakan sebagai lokasi pengedaran soal selidik seperti yang telah dimaklumkan di atas tadi.

Bagi proses penganalisisan data-data ini antaranya penulis akan membentangkannya dalam bentuk jadual dan menilainya berdasarkan kekerapan peratusan peningkatan dan penurunan yang berkenaan. Ini semuanya akan berpandukan kepada bentuk soal selidik yang akan ditentukan kelak.

Untuk mendapatkan maklumat lengkap mengenai populasi bekas penulis seramai 49 orang, penulis telah merujuk kepada senarai buku-buku yang telah diterbitkan oleh BIROTEKS di Pejabat BIROTEKS, Institut Teknologi MARA, Shah Alam. Antara maklumat penting yang diperlukan ialah judul buku dan nama penulis atau penterjemah. Ini adalah penting untuk tujuan pengedaran soal selidik.

### **3.4 SOAL SELIDIK**

#### **3.4.1 Kandungan**

Alat yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik. Soal selidik ini mengandungi soalan jenis tinjauan sikap (*attitude surveys*) dengan merujuk kepada kaedah Likert seperti di dalam buku tulisan Howard Schuman dan Stanley Presser berjudul *Questions and Answers in Attitude Surveys: Experiments on Question Form, Wording, and Context*.

Seksyen pertama soal selidik ini bertujuan untuk meninjau latar belakang sampel. Antara maklumat yang diminta ialah kategori responden, profil kawasan, jantina, bangsa, kelulusan akademik tertinggi, gred gaji serta fakulti/pusat. Maklumat berhubung dengan bidang yang diajar serta bentuk karya yang telah dan bakal diterbitkan dengan BIROTEKS juga diminta.

Seksyen kedua soal selidik meninjau persepsi sampel terhadap peranan dan fungsi BIROTEKS keseluruhannya. Seksyen ini dibahagikan kepada enam bahagian iaitu dari Bahagian B hingga Bahagian G. Bahagian B meninjau tanggapan terhadap peranan

BIROTEKS sebagai penerbit universiti bagi ITM. Bahagian C melihat keperluan latihan dalam bidang penulisan dan penerbitan kepada para pensyarah. Bahagian D pula melihat format reka bentuk dan kerja-kerja penerbitan BIROTEKS. Bahagian E meninjau keperluan aktiviti pasaran dan pengedaran buku-buku terbitan BIROTEKS. Manakala Bahagian F pula ingin melihat keperluan BIROTEKS di semua cawangan ITM. Bahagian G pula meninjau struktur organisasi dan sumber kewangan BIROTEKS.

Seksyen ketiga soal selidik meninjau secara umum peranan dan fungsi BIROTEKS. Seksyen ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu dari Bahagian H hingga Bahagian J. Bagi Bahagian H cuba meninjau kepentingan BIROTEKS kepada sistem pengurusan ITM. Bahagian I pula meninjau kepentingan BIROTEKS kepada para pelajar ITM. Manakala Bahagian J dan terakhir pula untuk meninjau komisyen dan kecenderungan responden terhadap BIROTEKS.

Setelah cadangan soal selidik ini diluluskan oleh penyelia kajian, penulis telah membuat kajian rintis atau praujian untuk meninjau kelemahan-kelemahan soal selidik. Pada 12 dan 13 Januari 1999, dalam kajian rintis yang telah dilakukan, penulis telah mentadbirkan soal selidik kepada lima orang pensyarah yang bertugas di berbagai-bagai fakulti di sekitar ITM Shah Alam.

Apa yang menarik, daripada lima orang pensyarah itu tiga darinya merupakan bekas penulis yang telah menerbitkan buku mereka dengan BIROTEKS. Hasil dari temubual ini, sedikit penambahan telah dilakukan terhadap soal selidik. Penulis telah menambah keterangan “(Pilih lebih daripada satu jika berkaitan)” pada kenyataan “Tandakan Kategori Anda.”. Keterangan yang sama juga telah ditambahkan pada Soalan 7, Soalan 8 dan Soalan 9 di Bahagian A soal selidik tersebut. Dari aspek kekuatan dan kelancaran soalan, kesemua pensyarah menyatakan soalannya tidak rumit dan mudah difahami serta tidak tersekat-sekat. Namun begitu terdapat juga komen-komen yang telah dibuat oleh pensyarah berkenaan diturunkan seperti butiran berikut:-

1. Kesemua pensyarah berpendapat soal selidik ini tidak banyak masalah, baik, lancar dan mudah difahami walaupun pensyarah tersebut ada yang bukan berbangsa Melayu.
  
2. Merujuk kepada kandungan soal selidik, soalan yang dikemukakan agak panjang dan ini akan mengurangkan minat sampel untuk menjawab soal selidik ini.

Setelah kajian rintis, penulis telah menulis semula penambahan pada soal selidik berdasarkan syor dan komen-komen pensyarah dalam kajian rintis berkenaan. Soal selidik disunting untuk ditaip dan dicetak. Kemudian soal selidik yang telah dicetak dikirimkan kepada sampel.

### **3.4.2 Pentadbiran**

Soal selidik telah diagihkan kepada sampel dengan cara diserahkan sendiri kepada sampel dan juga diposkan bagi mereka yang berada di kampus cawangan ITM pada 15 Januari 1999. Soal selidik tersebut disertakan dengan keterangan ringkas mengenai tujuan kajian serta arahan-arahan mengisinya. Dalam arahan berkenaan dimasukkan tarikh mengembalikan soal selidik itu pada atau sebelum 20 Februari 1999.

Bagaimanapun, bagi soal selidik yang diedarkan di kampus-kampus cawangan penulis telah meminta agar ianya dikembalikan sebelum atau pada 15 Februari 1999. Namun seandainya tidak dapat dihantar pada tarikh tersebut, ianya boleh dipanjangkan sehingga 20 Februari 1999. Penulis juga telah melampirkan sepucuk sampul surat kosong bersetem RM0.50 dan dialamatkan ke pejabat penulis bagi

memudahkan sampel mengembalikan soal selidik yang telah lengkap diisi.

Untuk tujuan pemulangan soal selidik bagi sampel di sekitar ITM Shah Alam, penulis telah meminta kepada semua responden menghantarkannya kepada Pejabat Perhubungan Korporat ITM Shah Alam, tempat di mana penulis bertugas. Ini kerana penggunaan sistem surat dalaman ITM tidak perlu dikenakan setem ataupun bayaran. Namun begitu, bagi memastikan soal selidik ini dijawab oleh sampel terutama di ITM Shah Alam, penulis ada juga secara bersemuka mengedarkan soal selidik tersebut dan meminta sampel menjawabnya terus. Ini memudahkan soal selidik tersebut dikumpulkan. Untuk tujuan pengiraan pula, penulis telah mencatatkan nombor-nombor pada soal selidik yang diedarkan.

Penulis telah melanjutkan tarikh akhir pemulangan soal selidik kepada 27 Februari 1999 iaitu setelah penulis dapati pulangan dalam tiga minggu pertama soal selidik dihantar tidak menggalakkan.

Pada 28 Februari 1999, penulis hanya dapat mengumpul sebanyak 50 soal selidik sahaja. Oleh itu penulis telah melakukan beberapa cara untuk mendapatkan jawapan soal selidik. Cara-cara ini ialah menelefon subjek yang dapat dikesan nombor telefon dan

meminta jasa baik mereka supaya menjawab soal selidik; menemui sendiri subjek yang dapat dikesan tempat tugas mereka di sekitar ITM Shah Alam; dan meminta jasa baik kawan sejawatan di setiap cawangan ITM untuk memastikan subjek menjawab soal selidik. Hasilnya, menjelang bulan Mac 1999, penulis telah berjaya mengumpul sebanyak 77 soal selidik. Ini bermakna penulis berjaya mengumpul sebanyak 60.6 % soal selidik dari jumlah kiriman sebanyak 127 soal selidik.

Bagaimanapun, bagi 47 soal selidik yang diedarkan, hanya terdapat 32 orang bekas penulis yang dapat dihubungi. Dan seramai 15 orang bekas penulis tidak dapat dihubungi kerana:

1. Seramai 10 telah menamatkan perkhidmatan dengan ITM.
2. Seramai dua (2) dari 10 orang penulis yang berjaya dikesan telah meninggal dunia.
3. Seramai lima (5) orang tidak dapat dikesan walaupun telah berhubung dengan Pejabat BIROTEKS.

### **3.4.3 Penganalisisan Data**

Soal selidik ini dibahagikan kepada tiga seksyen. Bagi seksyen pertama Bahagian A untuk soalan pertama (1) hingga soalan sembilan (9), sampel hanya perlu menandakan sahaja jawapan dalam kotak yang sepadan dengan diri mereka. Manakala untuk seksyen kedua dan ketiga iaitu dari Bahagian B hingga Bahagian J soalannya berbentuk tinjauan sikap (*attitude surveys*), oleh itu sampel hanya perlu membulat atau menandakan sahaja jawapan yang difikirkan sesuai dengan dirinya. Jawapan pada bahagian ini diberikan sekala lima mata iaitu satu (1) - Sangat Setuju; dua (2) - Setuju; tiga (3) - Tidak Pasti; empat (4) - Tidak Setuju; lima (5) - Sangat Tidak Setuju.

Bagi memudahkan proses penganalisisan data, penulis telah menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Sciences*) untuk mendapatkan frekuensi ke atas data-data yang telah dihimpunkan dari responden yang menjawab soal selidik tersebut. Kemudian, frekuensi bagi setiap soalan dan pendirian responden akan dianalisis. Data-data akan dipaparkan mengikut frekuensi atau kekerapan sampel menjawab soalan dalam soal selidik tersebut.

### **3.5 TEMUBUAL DENGAN SUBJEK TERPILIH**

Selain daripada mendapatkan maklumat daripada jawapan-jawapan soal selidik, penulis juga telah menjalankan temubual dengan Datin Hajah Zairon Othman, Pemangku Ketua BIROTEKS. Temubual dilakukan bertujuan untuk memperolehi maklumat-maklumat yang berhubung dengan persoalan yang tidak terdapat dalam soal selidik. Untuk tujuan temubual tersebut, penulis telah menyediakan satu senarai soalan. Soalan-soalan ini didasarkan kepada analisis dapatan yang penulis rasakan perlu diperjelaskan. Senarai soalan untuk temubual dengan sampel terpilih adalah seperti berikut:-

1. Apakah perbezaan di antara BIROTEKS dengan penerbit ilmiah khususnya penerbit universiti yang lain?
2. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, BIROTEKS hanya bergerak cergas dan aktif selepas tahun 1986, kenapa?
3. ITM mempunyai bilangan pelajar yang paling ramai dengan 18 buah fakulti dan 11 kampus cawangan di seluruh negara berbanding dengan universiti tempatan yang lain. Adakah BIROTEKS berkemampuan memenuhi semua kehendak pelajar, dan kenapakah semua aktiviti BIROTEKS hanya tertumpu di ITM Shah Alam?

4. Berdasarkan sumber maklumat yang diperolehi, kakitangan BIROTEKS masih belum mencukupi. Apakah yang dimaksudkan sedemikian?
5. BIROTEKS mengikut polisinya tidak dibenarkan membuat jualan langsung. Bagaimanapun, ianya dijalankan oleh Kedai Buku Koperasi ITM. Bagaimana ini memberi kesan kepada BIROTEKS?
6. Sejak penubuhan BIROTEKS, bilakah keuntungan maksimum dicapai oleh BIROTEKS? Berapa banyak dan bagaimana ianya diperolehi?
7. Adakah BIROTEKS pernah mengalami kerugian dan berapakah jumlahnya serta kenapa ianya berlaku?
8. Berapakah peratus komisen atau royalti diberi kepada Kedai Buku Koperasi ITM, penulis, penterjemah dan penilai luar?
9. Dalam usaha memastikan proses penulisan dan penerbitan tepat pada masanya, apakah kriteria atau prosidur yang digunakan oleh BIROTEKS? Bagaimana sekiranya berlaku kelewatan atau penulis tidak berupaya untuk menyelesaikannya tepat pada masa yang ditetapkan?

10. Berapa banyakkah buku yang dicetak untuk cetakan pertama, dan bagaimanakah dengan pengedarannya?